

**UTeM/SH/057/2021**

**QUOTATION FOR SUPPLY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND TRAINING OF INDUSTRY 4.0 HYDRAULIC POWER UNIT FOR FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.**

|                                   |   |                   |         |
|-----------------------------------|---|-------------------|---------|
| Tarikh Sebut Harga Dipamer        | 9 DISEMBER 2021   |                   |         |
| Tarikh Sebut Harga Dijual         | 9 DISEMBER 2021 HINGGA 12 JANUARI 2022                    |                   |         |
| Tarikh & Masa Sebut Harga Ditutup | 13 JANUARI 2022 Jam 12:00 Tengahari                       | Harga Naskah Meja | RM20.00 |
| Tempoh Penerimaan Dokumen Tawaran | 10 HINGGA 13 JANUARI 2022 (Sebelum Jam 12:00 Tengah hari) |                   |         |

**WAKTU PEMBELIAN NASKAH SEBUT HARGA UTeM:**

| Hari Operasi              | Waktu   |
|---------------------------|---|
| Isnin hingga Jumaat       | Dalam tempoh 24 jam selepas pembayaran dilakukan. |
| Sabtu, Ahad dan Cuti Umum | Dalam tempoh 24 jam pada hari operasi berikutnya. |

**ARAHAN DAN MAKLUMAT KEPADA PEMBEKAL / KONTRAKTOR / SYARIKAT**

- Sebut harga ini dipelawa kepada pembekal yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan memiliki sijil-sijil seperti berikut:
  - SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN, KOD BIDANG: 130101** [Mesin, Kelengkapan Bengkel Dan Mesin Pengeluaran:- Mesin Dan Kelengkapan Bengkel] **ATAU 060501** [Peralatan Makmal serta Aksesori]
- Pembelian Naskah Sebut Harga:**
  - Penyebut Harga yang berminat dengan tawaran sebut harga ini boleh **membeli Naskah Sebut Harga secara atas talian sahaja**.
  - Penyebut Harga perlu **memastikan syarikat memiliki sijil-sijil yang dinyatakan dan kod bidang yang ditetapkan**, penyertaan akan **DIBATALKAN** sekiranya tidak memenuhi syarat ini.
  - Penyebut Harga yang **berdaftar dan aktif dalam e-Vendor UTeM sahaja dibenarkan untuk membuat pembelian naskah sebut harga ini**. Sekiranya pembekal masih belum berdaftar dengan sistem e-Vendors UTeM, syarikat boleh mendaftar dengan UTeM secara online melalui <https://portal.utem.edu.my/iclm/> dan mengemukakan secara e-mel salinan dokumen pendaftaran/sijil ke [perolehan@utem.edu.my](mailto:perolehan@utem.edu.my). Kegagalan mematuhi syarat ini menyebabkan penyertaan syarikat **DIBATALKAN**.
  - Penyebut Harga perlu memastikan Perkara 2.b dan 2.c dipatuhi sebelum membuat pembayaran secara atas talian di link berikut: <https://epayment.utem.edu.my/perolehan/>
  - Dokumen Sebut Harga akan **diemelkan** kepada Penyebut Harga **setelah pembayaran diterima**.
  - Pihak Universiti berhak untuk **tidak mengemalikan bayaran yang telah dilakukan** sekiranya didapati **syarikat tidak memenuhi syarat yang telah dinyatakan** pada Notis Sebut Harga ini.
- Penghantaran Dokumen Tawaran Sebut Harga:**
  - Dokumen Sebut Harga perlu **dihantar dalam bentuk naskah cetakan (hardcopy)** dan perlu dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri**.

**UTeM/SH/057/2021**

- b. **Penyerahan/penerimaan dokumen Sebut Harga melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier sahaja** di alamat yang dinyatakan dan penerimaan berpusat di **Unit Mel UTeM** bermula dari **10 HINGGA 13 JANUARI 2022**. Penyebut Harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- c. **Tarikh dan masa tutup Sebut Harga dikira** semasa dokumen tawaran berada di Unit Mel UTeM sahaja. Penyebut Harga **perlu mengambil kira tempoh penghantaran dokumen tersebut** menepati tarikh dan masa tutup Sebut Harga ini.
- d. Setiap sampul tawaran Sebut Harga yang dipos oleh Penyebut Harga hanya untuk **SATU (1) tawaran sahaja daripada SATU (1) syarikat** bagi memudahkan proses penerimaan dan rekod dokumen.
- e. Dokumen tawaran Sebut Harga perlu dialamatkan ke **UNIT PEROLEHAN - UTeM/SH/057/2021, PEJABAT BENDAHARI, UNIT MEL UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, KAMPUS TEKNOLOGI, JALAN TTU 43, AYER KEROH 75450 MELAKA**.
- f. Syarikat perlu **menggunakan alamat syarikat yang berdaftar sebagai rujukan pengirim** pada dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier bagi memudahkan proses penerimaan dan rujukan.
- g. Sampul Surat Besar yang digunakan untuk penghantaran dokumen tawaran sebut harga ini perlu menyatakan **NO. SEBUT HARGA di penjuru atas sebelah kiri** sampul surat tersebut dan **menyatakan alamat seperti di atas di ruangan tengah** sampul surat besar tersebut. (sila lihat contoh).

**UTeM/SH/057/2021**

**UNIT PEROLEHAN - UTeM/SH/057/2021,  
PEJABAT BENDAHARI,  
UNIT MEL UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA,  
KAMPUS TEKNOLOGI, JALAN TTU 43,  
AYER KEROH 75450 MELAKA.**

*Contoh paparan alamat di muka depan sampul surat besar.*

  
Tandatangan

**KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM**  
Penolong Bendahari Kanan  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Cap Jawatan